

Najib, anak antara responden kes lucut hak RM700,000

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menamakan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan 40 pihak lagi dalam permohonan untuk melucut hak ke atas wang berjumlah RM700,000 yang disimpan dalam akaun bank atas nama UMNO Bahagian Pekan yang didakwa mempunyai kaitan dengan dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Dalam permohonan itu Pendakwa Raya yang merupakan pemohon menamakan 41 pihak sebagai responden. UMNO Bahagian Pekan dinamakan sebagai responden pertama manakala Najib responden keempat dan anaknya Datuk Muhamed Nizar yang merupakan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pekan, sebagai responden kelapan.

Pendakwa Raya memfailkan notis usul dipinda berhubung permohonan lucut hak itu pada 4 September lepas selepas Hakim Mahkamah Tinggi Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali pada 30 Ogos lepas memerintahkan Pendakwa Raya meminda nama UMNO Bahagian Pekan kepada nama pemegang jawatan dalam notis berkenaan.

Sebelum ini Pendakwa Raya hanya menamakan UMNO Bahagian Pekan sebagai responden tunggal dalam notis usul itu.

UMNO Bahagian Pekan kemudiannya membantah notis usul itu atas alasan pendakwaan telah menamakan pihak yang salah dan

memohon membatalkan notis usul lucut hak terhadap wang berkenaan yang dibekukan.

Mengikut notis usul terpinda itu, Pendakwa Raya memohon untuk melucut hak wang itu yang disimpan dalam akaun bank semasa CIMB Bank atas nama UMNO Bahagian Pekan dan semua faedah daripada simpanan itu kepada Kerajaan Malaysia.

Pemohon juga memohon untuk menyiarkan notis bagi memanggil mana-mana pihak ketiga yang mempunyai kepentingan ke atas wang itu untuk tampil ke mahkamah pada hari yang akan ditetapkan bagi memberi alasan mengapa harta berkenaan tidak sepatutnya



NAJIB TUN RAZAK

dilucut hak kepada kerajaan.

Terdahulu, Hakim Mohd. Nazlan membenarkan permohonan Pendakwa Raya yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Allan Suman Pillai dari SPRM untuk menyiarkan notis pihak ketika itu dalam tempoh dua bulan.

Proses pewartaan notis berkenaan dibuat mengikut Seksyen 56(1) dan 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATF-PUAA) 2001.

Antara responden yang hadir ke mahkamah hari ini ialah Naib Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Khairuddin Mahmud; Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Seri Zamri Ramly dan Ketua Puteri UMNO Bahagian Pekan, Sida Tantina Sariat.

Najib serta anaknya, Muhamed Nizar dan beberapa responden lain bagaimanapun tidak hadir ke mahkamah hari ini.